



## DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### Bil. Iklan: DBKU/2/2021

1 a) **Jawatan:** Akauntan Gred WA41  
(kontrak)

b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara

c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pengurusan Dan Profesional

d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Kewangan

e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Kewangan

(iii) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA)

(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41; RM2,820.00)

c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. **Jadual Gaji Akauntan Gred WA41:-**

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
RM 2,820.00	RM 9,585.00

3. **Skop Tugas Utama**

- Memantau dan memastikan semua transaksi dilaksanakan selaras dengan undang-undang dan polisi-polisi perakaunan.
- Memantau dan mengawal keseluruhan kutipan hasil dan perbelanjaan DBKU
- Memantau dan mengurus pembayaran emolument dan tuntutan kakitangan mengikut pekeliling/peraturan yang berkuatkuasa.
- Menentukan pulangan ke atas pelaburan simpanan tetap adalah maksima
- Memantau dan menyemak Penyata Penyesuaian Bank
- Memantau Akaun Siberhutang DBKU
- Menyediakan laporan yang diminta oleh Juruaudit luaran semasa proses pengauditan
- Menyediakan laporan dan kertas kerja untuk dibentangkan dalam Mesyuarat-mesyuarat DBKU, Mesyuarat Jawatankuasa atau Mesyuarat Dewan

4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Berumur tidak kurang dari 23 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41;RM2,820.00) ; atau
- (ii) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41;RM2,820.00); atau

#### **KEUTAMAAN:**

- Mahir dan cekap dalam mengendalikan kewangan dan sistem perakaunan
- Mempunyai pengalaman kerja di bidang yang berkaitan

#### **Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Dewan Bandaraya Kuching Utara  
Tingkat 3, Bangunan DBKU  
Bukit Siol, Jalan Semariang  
Petra Jaya, 93050 Kuching

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- Laporan Sulit
- Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Akhir Permohonan : 26 April 2021**

#### **Catatan Am:**

- Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.